

Tiga sungai tercemar akibat perlombongan

» *Kegiatan musnah ekosistem, habitat akuakultur*

Oleh Amir Hamzah Nordin

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lipis

Kegiatan perlombongan bijih besi dan emas serta pembalakan mengundang masalah pencemaran sangat serius terhadap Sungai Jelai, Sungai Tanum, Sungai Temau dan beberapa anak sungai dekat sini.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil, berkata jika kegiatan itu tidak dihentikan segera boleh menyebabkan kemusnahan ekosistem dan ha-



Shariffa Sabrina Syed Akil

bitat akuakultur serius.

“Sungai berkenaan membekalkan keperluan air bersih kepada kira-kira 15,000 penduduk sekitar kawasan ini, termasuk kawasan Padang Tengku dan ia boleh memberi kesan buruk kepada bekalan air terawat untuk pengguna domestik di lokasi berhampiran.

“Kami meminta pihak berkenaan termasuk pengusaha lombong dan pembalakan memberhentikan segera operasi me-

reka, terutamanya di kawasan Batu Yon dan Hulu Jelai yang dipercayai menjadi punca utama pencemaran air sungai di kawasan berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melakukan tinjauan bersama wakil penduduk, dekat sini, kelmarin.

Air sungai tinggi toksik
Sementara itu, Shariffa Sabrina berkata, pihaknya dimaklumkan ada beberapa loji rawatan air terpaksa memberhentikan operasi mereka akibat tahap pencemaran air sungai yang terlalu teruk.

Katanya, ada aliran air sungai dikesan terlalu tinggi toksid dan berbahaya untuk dirawat bagi penggunaan.

“Pencemaran sungai ini bukan sahaja mengganggu bekalan air bersih kepada penduduk, bahkan turut mengancam bekalan ikan air tawar bermutu tinggi,” katanya.